

Sempena Kuliah Tun Razak Ketujuh di Universiti Malaya, Khamis

Membetulkan pandangan Barat terhadap Islam

PH- 7/8/2007



Oleh Razak Rashid Ghows

KULIAH Tun Razak Ketujuh Khamis ini akan disampaikan Profesor Carl W Ernst dari University of North Carolina, Amerika Syarikat iaitu seorang orientalis Barat yang banyak membuat kajian mengenai kehidupan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Dalam kuliahnya di Universiti Malaya (UM), Ernst akan mengupas isu yang menyentuh pandangan Barat terhadap negara Islam dengan tajuk 'The West and Islam: Rethinking Orientalism and Occidentalism' dan akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak.

Ernst banyak menerbitkan hasil kajian berdasarkan penyelidikannya mengenai Arab, Parsi dan Urdu dengan tumpuan kepada Islam dan sufi. Beliau adalah pemegang Kerusi, Profesor William R Kenan Jr sejak 2005 dan Pengarah Carolina Center for the Study of the Middle East and Muslim Civilisations.

Buku terbaru beliau berjudul *Following Muhammad: Rethinking Islam in the Contemporary World* terbitan University of North Carolina pada 2003 menerima beberapa anugerah antarabangsa, termasuk *Bashrahil Prize for Outstanding Cultural Achievements* pada 2004.

Dalam bukunya itu, Ernst menyangkal

pandangan serong Barat terhadap orang Islam, terutama selepas peristiwa 11 September, namun buku ditulisnya itu bukan bertujuan untuk melindungi Islam daripada kritikan terhadap Islam atau bersifat apologetik.

Pandangan beliau adalah sama dengan pandangan bekas rahib dari England yang berada di Kuala Lumpur baru-baru ini, Dr Karen Armstrong bahawa agama Islam sering tidak digambarkan dengan tepat, malah diberi gambaran tidak benar dalam pelbagai cara. Apabila agama Islam diberi gambaran tidak betul, tidak tepat dan diputarbelitkan, sudah tentunya ia turut menyebabkan kebangkitan kumpulan fundamentalis.

Ernst, seorang sarjana bukan Islam menjelaskan dalam bukunya bahawa beliau tidak berhasrat untuk menyebelahi mana-mana pihak dalam pandangannya mengenai perkara berkenaan dan sekadar membuat rumusannya sendiri mengenai orang Islam kerana sudah lama bergaul dan mengenali orang Islam melalui penyelidikannya.

Beliau juga berpendapat jurang yang amat besar dalam hubungan Eropah dan Amerika dengan seluruh dunia yang lain adalah kerana segala-galanya dilakukan secara sehalu dan pandangan sebelah pihak, inilah menyebabkan mereka tidak memahami sepenuhnya budaya orang Timur yang mempunyai banyak kelainan daripada budaya Barat.

Sebaliknya, menerusi proses globalisasi, apa saja produk daripada budaya Amerika dan Eropah disebar dengan secara meluas ke seluruh pelusuk dunia. Ia menyebabkan orang di Timur lebih mengenali budaya dan bahasa Barat.

Begitu kuatnya pengaruh Barat ke atas masyarakat di Timur sehinggalah orang dari Afrika, Asia dan Asia Barat pun boleh menguasai bahasa Perancis, Sepanyol, Inggeris, Portugis dan Russia sedangkan di kalangan orang dari negara Barat tidak berhasrat mempelajari bahasa dari negara di sebelah Timur.

Malah, pelakon, pelukis dan penulisnya juga lebih dikenali serta dikagumi berbanding orang Asia, Asia Barat atau Afrika yang sukar mendapat status sama.

Ernst menarik perhatian bahawa penduduk Muslim di seluruh dunia kini melebihi satu bilion orang, justeru beliau tidak



Profesor Carl W Ernst

setuju dengan pendirian sesetengah orang bukan Islam yang menganggap semua orang Islam sebagai 'penganas' atau mempunyai ciri sama dengan penganas.

Fantasi atau khayalan stereotaip anti-Islam inilah yang mewujudkan ketakutan melulu atau 'Islamophobia' di kalangan mereka.

Sikap sangsi ini juga menyukarkan orang Islam setiap kali mereka mengunjungi negara kulit putih dan merumitkan keadaan ketika mereka sedang berurusan dengan pihak imigresen di lapangan terbang.

Baru-baru ini seorang doktor dari India, Mohamed Haneef, 27, dipenjarakan di Australia kerana didakwa cuba melakukan pengeboman di London dan Glasgow, Scotland bulan lalu. Dakwaan kemudian digugurkan kerana kekurangan bukti.

Haneef didakwa memberikan sokongan kepada pertubuhan penganas dengan memberikan kad SIM telefon bimbit beliau kepada seorang sepupunya, Sabeel Ahmed ketika meninggalkan Britain Julai tahun lalu. Polis Britain mendakwa Sabeel, 26, kerana mempunyai maklumat mengenai satu perbuatan keganasan.

Menyedari isu semasa yang dihadapi dunia Islam kini, topik yang dibincang pada

Kuliah Tun Razak ini adalah tepat pada masanya, cuma kita berharap agar ia dapat membantu membetulkan salah tanggapan mengenai orang Islam.

Menurut Koordinator Kuliah Tun Razak Ketujuh, Prof Emeritus Datuk Abu Bakar Hamid dari UM, topik berkenaan dipilih sendiri oleh penyandang kerusi, manakala Universiti Ohio menentukan penceramah-nya.

Kuliah itu adalah salah satu kegiatan yang dijalankan oleh Majlis Kerusi Tun Razak yang ditubuhkan oleh alumni penyandang kerusi berkenaan pada 1993. Seperti kuliah ketujuh ini, semua enam kuliah sebelum ini juga dipengerusikan Najib.

Kerusi Tun Razak diwujudkan pada 1980 oleh Kerajaan Malaysia sebagai mengingati sumbangan besar Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein kepada pembangunan negara.

Penubuhannya adalah satu usaha untuk menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan antara Kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan dibiayai oleh Kerajaan Malaysia, Universiti Ohio dan syarikat Amerika yang beroperasi di Malaysia.

Setakat ini 12 tokoh akademik terkenal dilantik menduduki kerusi sejak 1981 dan penyandanginya sekarang ialah Prof Datuk Mohamad Abu Bakar dari UM bagi tempoh 2005 sehingga 2007.

Penyandang kerusi itu ditempatkan di Center for International Studies, Universiti Ohio dengan tugas utama mengajar dan membuat penyelidikan mengenai Malaysia. Selain itu, mereka ditugaskan memberi maklumat dan nasihat kepada pelajar Malaysia di sana dan pelajar lain yang berminat mengenai negara ini.

Pada masa ini, semua penerbitan mengenai Malaysia yang mempunyai 'International Standard Book Number' (ISBN) yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara turut dihantar ke Universiti Ohio, Amerika Syarikat untuk dijadikan rujukan pelajar dan penyelidik di sana.

Pemegang kerusi Tun Razak juga dianggap sebagai 'duta akademik' oleh Amerika Syarikat dan diberi peruntukan untuk melawat dan memberi ceramah di seluruh negara itu dan membantu Kedutaan Malaysia mempromosikan negara kepada masyarakat Amerika.